

# Guan Eng saman Muhyiddin

Oleh **NORLIZAH ABAS**  
utusannews@mediamulia.com.my

**KUALA LUMPUR:** Pengerusi DAP, Lim Guan Eng mengemukakan saman terhadap Tan Sri Muhyiddin Yassin atas dakwaan mengeluarkan tiga kenyataan fitnah berhubung pembatalan pengecualian cukai yang diluluskan kepada sebuah yayasan.

Writ saman itu difailkan di Pejabat Pendaftaran Mahkamah Tinggi di sini semalam melalui Tetuan Guok Partnership dengan menamakan bekas Perdana Menteri itu sebagai defendan tunggal.

Dalam pernyataan tuntutan, Guan Eng, 62, berkata, Muhyiddin yang juga Presiden Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

"Kenyataan Muhyiddin membawa maksud Guan Eng sengaja mensabotaj sebuah yayasan yang terlibat dalam pelbagai kerja amal."

(SPRM) 9 Mac lalu dan dibebaskan pada sebelah petang.

Ahli Parlimen Bagan itu mendakwa, Muhyiddin kemudian mengeluarkan kenyataan memfitnah dalam laman Facebook miliknya pada hari yang

sama dan dua hari berikutnya iaitu pada 11 dan 12 Mac. Seterusnya diterbitkan dalam beberapa akhbar dan portal berita.

Dakwa Guan Eng selaku plaintif, kenyataan fitnah itu antara lain membawa maksud beliau selaku Menteri Kewangan (ketika itu) membatalkan pengecualian cukai yang diluluskan kepada sebuah yayasan.

Beliau menyatakan, kenyataan fitnah berkenaan sengaja dibuat bertujuan mencari publisiti murahan dan cuba mengalih perhatian awam kerana Muhyiddin mengetahui semua perhatian media dan akhbar ketika itu tertumpu kepadanya.

Guan Eng turut mendakwa, kenyataan fitnah itu antara lain membawa maksud beliau menyalahguna kedudukan dan kuasanya mengarahkan Lem-

baga Hasil Dalam Negeri (LHDN) mengenakan cukai dan penalti ke atas yayasan kebajikan, walaupun ia tidak patut dikenakan cukai.

Dakwa bekas Ketua Menteri Pulau Pinang itu, kenyataan Muhyiddin membawa maksud beliau sengaja mensabotaj sebuah yayasan yang terlibat dalam pelbagai kerja amal.

Plaintif turut memohon Muhyiddin memohon maaf dan menarik balik kesemua tiga kenyataan fitnah itu manakala pernyataan maaf diterbitkan dalam akaun Facebook dan Twitter defendan.

Pernyataan maaf itu perlu disiarkan dalam semua surat-khabar di negara ini, *Free Malaysia Today* (FMT) dan *Malaysiakini* dalam masa tujuh hari dari tarikh penghakiman.